

15/02/2000

Pengundi buktikan mahu PBB terajui BN di Sarawak

Misiah Taib

MAJLIS pelancaran bahagian pertama Umno di Sarawak di kawasan Parlimen Mas Gading di Daerah Bau, kira-kira 45 kilometer dari Bandaraya Kuching, Sarawak minggu lalu adalah satu perkembangan politik terkini yang agak menarik di Bumi Kenyalang.

Bekas Menteri Pertahanan yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, secara terbuka melakukan upacara berkenaan.

Tindakan Abang Abu Bakar itu memang sudah diduga. Bulan lalu beliau menyuarakan kesediaannya untuk membawa Umno ke Sarawak jika ia adalah kehendak rakyat Sarawak. Kenyataannya itu dibuat selepas Abang Abu Bakar tidak dipilih semula untuk bertanding pada Pilihan Raya Umum (Parlimen bagi Sarawak) tahun lalu, sekali gus menyebabkan beliau terpaksa digugurkan daripada Kabinet.

Abang Abu Bakar pernah menduduki kerusi nombor dua dalam PBB selama 12 tahun selepas memenangnya pada pertandingan 1986.

Namun, tradisi 'patah tumbuh hilang berganti' berlaku dalam perhimpunan agung PBB pada Ogos 1998 apabila suara majoriti dalam PBB mahukan perubahan dengan memilih pemimpin pelapis sebagai pengganti.

Datuk Johari Tun Openg menang dalam pertandingan tiga penjur. Abang Abu Bakar yang mempertahankan kerusinya memperoleh undi paling sedikit, hanya 27 undi.

Abang Johari mendapat 373 undi, sementara seorang lagi pencabar, Datuk Adenan Satem memperoleh 268 undi. Sebelum itu, kedua-duanya iaitu Abang Johari dan Adenan adalah Naib Presiden PBB.

Selepas pertandingan, Adenan turut dilantik sebagai Naib Presiden PBB apabila seorang calon yang memenangi jawatan berkenaan (Naib Presiden), Datuk Awang Tengah Ali Hasan, memberi laluan.

Meskipun berlaku pertandingan bagi jawatan nombor dua dalam PBB pada 1998, ia bukan petanda ke arah perpecahan. Parti yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional (BN) Sarawak itu semakin mantap dan utuh dengan adanya barisan kepemimpinan yang diterajui sendiri oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pilihan raya Parlimen tahun lalu jelas membuktikan rakyat Sarawak, khususnya masyarakat Bumiputera memilih kerajaan BN negeri yang diterajui PBB.

BN mencatat sejarah apabila memenangi semua 28 kerusi yang dipertandingkan, 10 kerusi oleh PBB, tujuh oleh Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), enam oleh Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan empat oleh Parti Kebangsaan Sarawak (Snap). Satu lagi kerusi di kawasan Mambong menjadi milik BN apabila calonnya, Dr James Dawos Mamit menyertai PBB. Dr Dawos yang diberi kebebasan memilih parti komponen mana mahu disertainya, memutuskan untuk menyertai PBB, minggu lalu. Ini bermakna PBB kini memiliki 11 kerusi Parlimen, selain 29 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Sarawak mempunyai 62 kerusi DUN. SUPP mewakili 14 kerusi DUN, diikuti PBDS lapan kerusi dan Snap tujuh kerusi. Masing-masing dua kerusi DUN diwakili Parti Tindakan Demokratik (Dap) dan calon bebas.

Sudah terang lagi bersuluh. Jelas rakyat Sarawak masih memilih BN negeri yang diterajui PBB. Golongan pengundi masih mahu agar kerajaan BN yang ada sekarang dikekalkan, terutama PBB sebagai parti tonggak.

Tidak hairanlah wujud persefahaman di kalangan pemimpin di kedua-dua peringkat, terutama antara pucuk kepemimpinan Umno, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dengan Taib sendiri, bahawa PBB adalah sama seperti Umno dan tidak perlu untuk Umno melebarkan sayapnya ke negeri itu, jika kerajaan yang ada sekarang diterima rakyat.

Baru-baru ini, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, turut menyatakan bahawa Umno tidak perlu memasuki Sarawak. Kemasukan parti itu ke negeri ini bukanlah perkara terdesak.

Beliau mengulangi kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, bahawa Umno sebenarnya berpuas hati dengan BN Sarawak pimpinan PBB yang berjaya dalam pilihan raya umum, baru-baru ini.

Namun, di sebalik pendirian tegas pemimpin BN di kedua-dua peringkat, terutama Umno dan PBB, yang menganggap Umno tidak perlu melebarkan sayapnya ke Sarawak buat masa ini, umum dikejutkan dengan majlis pelancaran bahagian Umno di Kawasan Parlimen Mas Gading.

Pada majlis itu, enam kampung - Kampung Groggo, Kampung Sebuloh, Kampung Suba, Kampung Suba Buan, Kampung Tembawang Baru dan Kampung Buso, diumumkan sebagai cawangan Umno di bahagian Mas Gading.

Abang Abu Bakar juga dikatakan menerima lebih 2,000 borang permohonan daripada masyarakat Bidayah dan Melayu untuk menjadi ahli Umno pada majlis berkenaan. Majlis di Kampung Groggo di Bau itu dihadiri kira-kira 500 orang.

Seorang ahli perniagaan, Midi anak Jonek, yang juga bekas ahli Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), dilantik sebagai pengerusi penaja bahagian Mas Gading, sementara seorang petani, Johong anak Jimbek, mengetuai cawangan Kampung Groggo.

Seorang lagi ahli perniagaan, Roland Bunyek mengetuai cawangan Kampung Sebuloh, Mohammed Yasin (cawangan Kampung Tembawang Baru) dan Mejar (B) Mohammed Baba, (cawangan Kampung Buso).

Dalam ucapannya, Abang Abu Bakar yang meletak jawatan sebagai ahli PBB pada 16 Januari lalu, memuji masyarakat Bumiputera di kawasan Mas Gading, kerana minat yang mereka tunjukkan untuk menyertai Umno.

Beliau percaya dengan kemasukan Umno ke Sarawak, taraf hidup rakyat khususnya masyarakat Bumiputera dapat ditingkatkan lagi.

Pada sidang media selepas itu, Abang Abu Bakar berkata, beliau akan menyerahkan lebih 2,000 borang permohonan untuk menyertai Umno kepada Ibu pejabat parti itu selepas ini. Beliau berkata lebih 138,000 Bumiputera di Sarawak sudah memohon untuk menyertai Umno.

"Pucuk kepemimpinan Umno tidak lagi boleh memandang sepi kehendak rakyat di negeri ini yang mahu menjadi ahli parti itu," katanya sambil menambah beliau akan menemui Perdana Menteri yang juga Presiden Umno mengenai perkembangan terkini politik di Sarawak itu.

Ditanya sama ada keputusan menubuhkan bahagian dan cawangan Umno di Sarawak itu mendapat restu pucuk kepemimpinan Umno, Abang Abu Bakar berkata ia adalah kehendak rakyat di negeri ini.

"Ramai rakyat Sarawak mahu Umno melebarkan sayapnya ke Sarawak dan saya tidak nampak kehendak mereka harus ditolak," katanya.

Mengenai siapa yang akan mengetuai Umno di Sarawak, beliau berkata terpulang kepada rakyat Sarawak untuk menentukannya.

Majlis yang berlangsung di Kampung Groggo ini, boleh diibaratkan sebagai bercanggah dengan senario sebenar politik Sarawak pada masa kini.

Taib sendiri mendedahkan betapa percubaan membawa masuk Umno ke Sarawak sebagai tindakan golongan 'oportunis besar' yang bersikap 'berpatah arang, berkerat rotan' dengan PBB, selepas tidak lagi memegang jawatan dalam parti.

Taib yang juga Pengerusi BN Sarawak menganggap kestabilan politik yang dinikmati rakyat pelbagai kaum di Sarawak sekarang sebagai hasil persefahaman antara parti komponen BN di peringkat Pusat dan negeri.

Mereka patuh untuk tidak berlawanan sesama sendiri.

Sehubungan itu, katanya, Umno, selaku parti tulang belakang BN di peringkat Pusat dan PBB pula teraju BN di peringkat negeri, tidak akan memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk sengaja menyabung parti komponen terbabit.

Dalam BN, jelas beliau, sememangnya sudah wujud persefahaman bahawa parti komponen tidak akan berlawanan sesama sendiri atau berebut ahli dari satu parti ke satu parti.

Di Sarawak, katanya, keempat-empat parti komponen BN negeri iaitu PBB, SUPP, Snap dan PBDS, sudah sekian lama patuh kepada persefahaman yang diwujudkan ini.

"Kerana patuh kepada persefahaman inilah, maka kita mampu mewujudkan kestabilan politik di Sarawak sejak dulu lagi.

"Oleh itu, antara Umno dengan PBB, kita tidak mahu ada mana-mana pihak cuba menyabung kita, mahu menyebabkan Umno dan PBB berlawanan sesama sendiri.

"Tindakan golongan ini sebenarnya tidak disah dan tidak direstui oleh Umno sendiri," katanya.

Taib yang juga Presiden PBB berkata, tindakan golongan terbabit yang mahu membuka cawangan Umno di Sarawak atau berkempen untuk Umno di Sarawak, tidak disahkan atau mendapat kebenaran daripada Umno.

Oleh itu, katanya, orang yang menjalankan kempen Umno itu, melakukannya tanpa izin dan restu Umno.

"Mereka sebenarnya menjalankan kegiatan yang mudah ditafsirkan, berdasarkan latar belakang pemimpin terbabit yang kononnya mahu membawa Umno ke Sarawak.

"Mereka adalah golongan yang ditolak oleh rakyat. Mereka tidak dapat naik melainkan dengan menggunakan imej orang lain.

"Mereka tidak ada kekuatan...tidak ada pengaruh, jadi mereka menggunakan pengaruh orang lain," katanya.

Beliau turut menyifatkan golongan yang mahu membawa Umno ke Sarawak hanya menggunakan politik untuk kepentingan diri serta tidak ada kena-mengena dengan masa depan rakyat.

Menurut Taib, perjuangan golongan terbabit boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan rakyat, khususnya kaum Melayu dan penganut Islam di negeri ini.

Katanya, jika pemimpin terbabit memiliki semangat perjuangan sebenar, mereka tidak akan berbuat demikian, memandangkan kebanyakan mereka adalah bekas ahli PBB sendiri.

"Mereka tahu perjuangan PBB adalah baik. Malangnya mereka hanya bersetuju dengan perjuangan PBB apabila ada pangkat dalam parti. Bila mereka hilang pangkat mereka sudah tidak lagi bersetuju dengan perjuangan parti.

"Oleh itu rakyat perlu sedar latar belakang pemimpin terbabit. Tujuan mereka yang mahu membawa Umno ke Sarawak tanpa izin Umno, sebenarnya `ada udang di sebalik batu'," katanya.

(END)